



Tun Abdul Rahman (tiga dari kanan) bersama Pro-Canselor UPSI, Tan Sri Yahya Ibrahim (tiga dari kiri) selepas melancarkan buku *Razak Sensei*.

[FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN / BH]



Ahli keluarga Abdul Razak pada Majlis Pelancaran Buku *Razak Sensei* dan Wacana Pemikiran Cikgu Razak di UPSI.

Hiroshima mendewasakan Cikgu Razak

» Pengeboman pada tahun 1945 ubah cara hidup anak Melayu yang terselamat dalam tragedi

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Menjadi satu-satunya rakyat Malaysia yang berjaya 'melepaskan' diri daripada kemusnahan dahsyat akibat letupan bom atom dinamakan *Little Boy* yang gugur di bumi Hiroshima, Jepun pada pagi 6 Ogos 1945, mencorakkan keperibadian Datuk Abdul Razak Abdul Hamid atau Cikgu Razak sehingga ke akhir hayatnya.

Perubahan beliau begitu ketara, daripada seorang yang pendendam dan perengus, Cikgu Razak yang hanya berusia 20 tahun ketika terselamat daripada tragedi mengerikan itu terus dewasa menjadi seorang pemuda dengan keperibadian unggul sehingga meninggal dunia, dua tahun lalu, pada usia 88 tahun.

Anak kepada Cikgu Razak, Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak berkata, bapanya tidak pernah mempersoalkan siapa yang memulakan peperangan itu, walaupun kapal terbang pembom B-29 menjatuhkan pula *Fat Man* di Nagasaki hanya tiga hari selepas pengeboman di Hiroshima.

Peduli kesan bencana

Tokoh akademik yang juga Penyanggah Kursi Kepemimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu berkata, bapanya hanya peduli dengan kesan ditinggalkan bencana itu kepada mangsanya.

"Siapa yang bertanggungjawab dalam kejadian bencana dahsyat itu bukanlah satu isu kepadanya,



Dari kiri; Sayed Munawar, Dzulkifli, Ibrahim dan Mohd Hassan pada Sesi Wacana Pemikiran *Cikgu Razak* di Dewan SITC, UPSI, Tanjung Malim, baru-baru ini.

tetapi apa yang lebih penting, pengalaman buruk itu memperkuat pandangan ayah saya mengenai betapa keganasan adalah sesuatu yang tidak diperlukan, walaupun di rumah.

"Beliau tidak dapat menerima keganasan termasuk ketika mendidik kami adik-beradik. Saya percaya perwatakannya itu datang daripada pengalaman beliau (melihat kemusnahan perang di Hiroshima)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Wacana Pemikiran Cikgu Razak anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun yang diadakan bagi memperingati 70 tahun pengeboman dahsyat itu yang diadakan di Dewan SITC, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, baru-baru ini.

Acara kendalian Sayed Munawar Sayed Mustar itu turut disertai Timbalan Naib Canselor INTI-Laureate International University, Prof Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid yang juga rakan akrab Cikgu Razak dan Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Pelajar, International Education College (INTEC) yang juga anak didiknya, Mohd Hassan Awang Boon.

Sebelum itu, dalam majlis sama, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas, melancarkan naskhah tulli-

san Kalthom Husain, Aida Nahirah Abdullah dan Hanipah Hussin berjudul *Razak Sensei Pemangkin Jalinan Malaysia-Jepun* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dendam bukan penyelesaian

Dzulkifli berkata, ayahnya sering menekankan peperangan adalah satu isu sejagat walaupun pengeboman yang menyebabkan 140,000 nyawa terkorban itu berlaku di Jepun.

"Bagi beliau, perseteruan sebegini perlu dihentikan kerana penyelesaian secara 'engkau lakukan pada aku dan aku akan membalasnya' tidak akan menga-

“Beliau tidak dapat menerima keganasan termasuk ketika mendidik kami adik-beradik. Saya percaya, perwatakannya itu datang daripada pengalaman beliau. (melihat kemusnahan perang di Hiroshima)”

Dzulkifli Abdul Razak, Anak Cikgu Razak

tasi masalah.

"Perasaan dendam yang bersarang dalam diri perlu dikeluarkan dengan cara memaaf dan menyelesaikannya. Paling beliau tekankan ialah keamanan perlu bermula di rumah," katanya.

Selain Cikgu Razak, dua lagi rakannya dari Malaysia yang menuntut di universiti sama iaitu Nik Yusof dan Syed Omar meninggal dunia akibat kejadian itu dan dikebumikan di Jepun.

Menurut Mohd Hassan, meskipun banyak penulisan yang menyebut Cikgu Razak 'lebih Jepun' daripada orang Jepun itu sendiri bagaimanapun ia sebenarnya tidak langsung menghilangkan jati diri Melayu dan lebih utama lagi nilai Islam yang ada dalam diri beliau.

"Orang Jepun kuat bekerja, malah mengamalkan nilai Islam termasuk bersih, cekap, amanah dan Cikgu Razak pula menjadi 'wakil' orang Melayu yang mengamalkan ciri yang baik ini.

"Beliau amat berdisiplin dan menepati waktu hinggalah setiap hari ketika bekerja, Cikgu Razak akan datang awal dan mengadakan Chorei (perjumpaan pagi) bersama kakitangannya tepat jam 7.45 dan

ini adalah antara budaya kerja Jepun yang diamalkan beliau dan kini saya teruskan di INTEC.

"Semua yang dilakukan Cikgu Razak ini kekal 'mengalir' terutama dalam diri anak didiknya," katanya.

Adab, budaya tinggi

Sementara itu, Ibrahim berkata, tragedi peperangan dahsyat yang dialami sendiri sepanjang menuntut ilmu di Negara Matahari Terbit itu secara tidak langsung membentuk hidup Cikgu Razak dan membantu beliau menjadi seorang yang beradab serta memiliki budaya yang tinggi dan halus.

"Saya percaya apabila kita melalui pengalaman dahsyat sebegini, kita lebih kenal hubungan dengan alam semesta, alam ghaib serta ketuhanan.

"Apabila Cikgu Razak kembali ke Malaysia, pengalamannya di Jepun menja-

dikan beliau sebagai seseorang yang mempunyai kompetensi luar biasa dengan segala sumbangan yang diberikannya," katanya.

Ibrahim yang mengenali Cikgu Razak ketika menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Bahasa Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada tahun 70-an berkata, sumbangan anak kelahiran Pulau Pinang itu bukan hanya terhad kepada mengajar subjek bahasa Jepun, tetapi turut menulis buku serta mengajar Jawi.

"Cikgu Razak bersama rakannya Mokhtar Mohd Dom menghasilkan buku *Belajar Tulisan Jawi* yang disusun berdasarkan 180 program yang disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan di situlah terserlah sisi kemelayuan beliau.

"Beliau bukan saja mempunyai kebijaksanaan dan mengajar orang untuk menjadi bijaksana, tetapi pada masa sama, mempunyai kekuatan dalam konteks budaya Melayu," katanya.

